



**HOSPITAL MIRI**  
**JALAN CAHAYA**  
**98000 MIRI**  
**SARAWAK**

Tel : 085-420033  
 Faks : 085-416514  
 Email : hospitalmiri@moh.gov.my  
 http://hmiri.moh.gov.my



**NOTIS SEBUTHARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa dan terbuka kepada syarikat yang mempunyai Sijil Pendaftaran Syarikat yang berdaftar dengan Perbendaharaan Malaysia Sarawak atau Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan dan masih sah semasa membuat permohonan perkhidmatan seperti berikut :-

| BIL | TAJUK  | KELAYAKAN   | Tarikh Taklimat & Lawatan Tapak   | Tarikh Tutup Sebut Harga  |
|-----|--|---|---|---|
| 1.  | No. Sebut Harga :<br><b>HMIRI/2019/SH/050</b><br><br><b>SEBUTHARGA PELAWAAN SEMULA PERKHIDMATAN KAFETERIA DI HOSPITAL MIRI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN</b> | i) Perakuan Pendaftaran dengan Kewangan<br><br>Kod Bidang :<br><b>040103 - Makanan Bermasak Islam</b><br><br><b>221506 - Menyewa ruang niaga</b><br><br>ii) Taraf/Jenis Syarikat ;<br><b>BUMIPUTERA / BUKAN BUMIPUTERA</b><br><br>iii) Berdaftar dalam <b>NEGERI SARAWAK</b> sahaja | <b>WAJIB HADIR</b><br><b>1 November 2019</b><br><b>(Jumaat)</b><br><b>@ 9.00 Pagi</b><br><br><b>LOKASI:</b><br><b>Bilik Mesyuarat,</b><br><b>Kenyalang,</b><br><b>Hospital Miri</b> | <b>7 November 2019</b><br><b>(KHAMIS)</b><br><b>@ 12.00</b><br><b>Tengahari</b> |

2. Syarikat yang ingin menyertai sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan Perbendaharaan Malaysia Sarawak atau Kementerian Kewangan Malaysia serta memastikan yang pendaftaran syarikat mereka masih lagi sah. Sebutharga-Sebutharga hendaklah dikemukakan dengan menggunakan **Lampiran Q** yang boleh didapati dari **Unit Perolehan, Hospital Miri, Jalan Cahaya, 98000 Miri** dengan **percuma**. Sebutharga yang tidak menggunakan **Lampiran Q** asal yang dikeluarkan oleh pejabat ini dan salinan fotostat akan **ditolak**.
3. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini hendaklah mengemukakan **salinan asal Sijil Akuan Pendaftaran Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) (Jika Berkaitan), semasa mengambil dokumen sebutharga. Bagi lawatan tapak, PENAMA di dalam Perakuan Pendaftaran Kewangan WAJIB hadir semasa lawatan tapak. Kontraktor/syarikat TIDAK BOLEH** mewakili pegawai lain untuk hadir ke sesi **LAWATAN TAPAK** ini. Kegagalan mematuhi syarat ini akan menyebabkan penyertaan sebutharga tidak dapat dipertimbangkan.
4. Sebut harga yang telah lengkap diisi, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berukuran 10" x 15" dan dimeteraikan serta di atasnya bertanda "SULIT" dan bertulis tajuk dan nombor sebut harga. Sebut harga hendaklah dihantar secara pos atau serahan tangan ke alamat berikut :

**Peti Sebutharga (Pejabat Am)**  
**Pengarah Hospital**  
**Hospital Miri,**  
**Jalan Cahaya, Lopeng**  
**98000 Miri, SARAWAK**



5. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah dan kerajaan berhak memilih mana-mana tawaran daripada penyebut harga yang berpatutan. Keputusan Jawatankuasa Pemilihan Sebutharga ini adalah **MUKTAMAD**. Sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

JAMES HARY MULAU  
Ketua Penolong Pengarah  
(Pengurusan)  
Hospital Miri

(DR. JACK WONG SIEW YU)

Pengarah Hospital,  
Hospital Miri



Tarikh : 28 Oktober 2019

s.k. : Residen Bahagian Miri  
: Pegawai Daerah Miri  
: Pegawai Kesihatan Bahagian Miri  
: CIDB Miri  
: Hospital Marudi  
: Pejabat Daerah Marudi  
: Papan Notis Hospital Miri  
: Laman Website Hospital Miri <http://hmiri.moh.gov.my>

} (Untuk Papan Kenyataan Tuan)